

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 9. BILANGAN 21.

RABU 4 NOVEMBER, 1964.

دابو 29 جمادالخير 1384

PERCHUMA

ALLAH LANJUTKAN USIA D. Y. M. M.

BAGINDA MELAWAT ENGLAND

BERAKAS. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah berangkat ka-England pada petang 29 Oktober 1964 untuk mendapat nasehat2 dari pakar2 dan orang2 yang maher untuk menjamin kejayaan pelaksanaan Rancangan2 Perkembangan Kerajaan Brunei.

Baginda telah di-temani oleh dua orang Putera2 Baginda, iaitu Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Soffri Bolkihah dan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Jeffri Bolkihah serta di-iringi oleh Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun; Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud.

Pegawai Kewangan Negara Brunei, Yang Berhormat Awang John Lee; Peguam Negara Brunei, Yang Berhormat Awang Idris Talog Davies; Awang Isa bin Dato Haji Ibrahim dari Pejabat Undang2 Negeri Brunei; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksamana Haji Mohamed Taha dan Yang Berhormat Pehin Maharaja Di-Raja Awang Haji Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Taha.

Sa-belum Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan berangkat ka-England, Baginda telah bertitah bahawa semenjak Baginda kembali ka-Tanah Ayer dari lawatan Baginda mengelilingi dunia baharu2 ini, Baginda telah berpeluang melawat ka-sagenap tempat di-dalam Negeri Brunei dan melawat ra'ayat Baginda di-kampong2 mereka sendiri.

"Ini telah memberi peluang kepada Beta untuk melihat dengan menyaksikan sendiri segala kemajuan yang telah tercapai di-dalam Rancangan2 Kemajuan Kerajaan Beta", titah Baginda.

Selanjut-nya Duli Yang Maha Mulia bertitah. "Sebagaimana yang ra'ayat Beta semua mengetahui Kerajaan Beta ada-lah tersangat mengambil berat mengenai kejayaan pelaksanaan rancangan2 yang di-perbuat untuk membaiki taraf2 hidup ra'ayat beta sekalian.

"Berikutan dengan ini, maka

Kerajaan Beta ada-lah tersangat mengambil berat agar segala daya upaya yang dapat di-jalankan untuk melaksanakan rancangan2 ini.

"Barang sudah tentu atau barang yang tidak mustahil dalam melaksanakan rancangan2 yang sabegini dari berjenis2 segi per-

Beta berchadang hendak membuat lawatan yang pendek ka-United Kingdom seperti yang Beta sebutkan tadi.

"Ini akan memberi peluang kepada Kerajaan Beta untuk mengadakan rundingan2 selanjutnya dengan Pegawai2 dari Perhubungan Komanwealth mengenai beberapa perkara yang mana nasehat2 pakar perlu di-perolehi.

"Pengalaman di-masa2 yang sudah telah menjunjukkan bahawa pertemuan sendiri sechara

"Dengan hal yang demikian, Beta berharap ia-itu Rancangan2 yang di-sediakan oleh Kerajaan Beta dan beberapa kesulitan yang mungkin timbul atau tertimbul dari pelaksanaannya akan dapat di-binchangkan dengan pakar2 yang bersesuaian.

"Beta yakin, Kerajaan Beta akan mendapat keuntungan yang besar dari perbincangan2 yang di-chadangkan ini dan segala bantuan2 yang akan mereka perolehi barang sudah tentu akan membawa kejayaan kepada berbahagia di-segi berbagai2 rancangan yang kebajikan."

**SELAMAT
TIBA DI-LONDON**

Sementara itu menurut satu kawat Sharikat Perkhbaran REUTER dari London, Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan serta dua orang Putera2 Baginda dan rombongan telah selamat tiba di-London pada hari Juma'at yang lalu.



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kelihatan menguchapan "Selamat Tinggal" buat sementara kepada para hadirin di-Lapangan Terbang Berakas sa-belum Baginda dan Putera2 serta rombongan berangkat ka-England pada petang hari Khamis yang lalu.

khidmatan untuk melailakan usaha Kerajaan, maka pakar2 ada-lah tersangat di-kehendaki dan atas kejayaan rancangan2 ini, ada-lah bergantung sangat kepada nasehat2 yang maher yang boleh di-dapati.

"Maka dengan tujuan2 ini,

yang sebegini, ia-ini pertemuan atau perjumpaan yang bersemuka dengan sechara ini, adalah terlebih baik jika di-bandingkan dengan chara surat menyurat sahaja dan akan lebeh menchepatrick segala perundingan2 itu.

**D. Y. M. M. +
Berchemar Duli
Ka-Kuala Belait**

KUALA BELAIT. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah berchemar duli ka-Kuala Belait pada hari Khamis 22 Oktober, 1964.

Baginda telah merasmikan pembukaan Persidangan Majlis Mashuarat Wazir2, Chateria2 dan Menteri2 yang bergelar pada hari tersebut.

Pada tengah hari Juma'at 23 Oktober pula, Duli Yang Maha Mulia telah bersembahyang Juma'at di-Masjid Muhammadiyah Jemalul Alam, Kuala Belait.

Duli Yang Maha Mulia telah kembali ka-Istana Darul Hana pada petang hari Juma'at 23 Oktober.

KERAJAAN INDIA MENAWARKAN BEASISWA2 KAPADA PENUNTUT2 MALAYSIA DAN BRUNEI

KUALA LUMPUR. — Kerajaan India telah menawarkan beberapa beasiswa kepada penuntut2 Malaysia dan Brunei di-bawah Rancangan Umom Beasiswa bagi tahun 1965-1966.

**Pandu Puteri
Derma \$500
Kapada Rumah
Orang2 Tua**

BANDAR BRUNEI. — Pasokan2 Pandu Puteri di-Bandar Brunei telah mendermakan wang sa-banyak \$500 kapada Rumah Orang2 Tua, Seria, ia-itu sa-bilangan dari hasil kutipan yang diperolehi di-temasha Pasar Gembara dan jualan barang2 murah tidak berapa lama dahulu.

Derma tersebut telah disampaikan oleh sa-orang pandu puteri yang kecil bagi pehak Pasokan Pandu Puteri Bandar Brunei kapada Pengerusi Lembaga Gabnor Rumah Orang2 Tua, Seria, Awang P.D. Graham di-temasha Unggun Api Pandu Puteri yang telah di-adakan di-pekarangan rumah Pesuruh Jaya Pandu Puteri Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Noor Ehsani di-Bandar Brunei pada malam 30 Oktober yang lalu.

Temasha Unggun Api itu telah di-buka dengan rasmi-nya oleh Pesuruh Jaya Pandu Puteri Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Noor Ehsani.

Di-antara para jempunan yang hadir di-temasha tersebut ia-lah Puan Laird, ia-itu isteri Pesuruh Jaya Tinggi U.K. di-Brunei.

Nyanyian2, tarian2 dan lain2 achara telah di-persembahkan di-temasha tersebut dengan memperolehi sambutan yang baik dari kalangan para hadirin.

Perkara yang akan di-pelajari ia-lah : Seni Insan, Sains, Perdagangan, Pertanian, Kehutanan, Sains Kehaiwanan, Perubatan, Perkara2 yang bersangkutan paut dengan Kejuruteraan dan Teknikal, Kewartawanan, Pengkajian hal ehwal Afrika, Musik, Tarian, Derama dan lain2-nya.

Beasiswa tersebut ada-lah terbuka kapada :

(a) Ra'ayat Malaysia dan penuntut2 yang tinggal di-Brunei.

(b) Penuntut2 berketurunan India yang menjadi ra'ayat tempatan dan tinggal di-Malaysia dan Brunei.

Keutamaan akan di-beri kapada penuntut2 yang berhajat hendak mengambil kursus lanjutan sa-lepas tamat dari Universiti.

Doktor2 yang menjalankan pekerjaan sendiri dan berhajat hendak berangkat ka-India untuk mengambil kursus lanjutan tersebut, akan juga di-beri keutamaan untuk memperolehi beasiswa itu.

Chalon2 yang hendak mengambil kursus2 lanjutan tersebut mesti-lah mempunyai Ijazah dari Universiti di-mana mereka belajar atau pun sebarang Universiti yang di-akui oleh Kerajaan India.

Chalon2 yang hendak memperolehi Ijazah itu hendak-lah lulus

Pepereksaan Sijil Persekolahan Tertinggi dalam perkara2 yang tertentu.

Bagaimana pun, pertimbangan yang khas akan di-beri kapada chalon2 yang tinggal di-Sabah dan Sarawak yang telah lulus Pepereksaan Sijil Senior Cambridge atau pun Sijil2 yang sa-akan2 sama saperti Sijil Senior Cambridge.

Salinan2 Sijil atau pun Ijazah (bukan yang asal) hendak-lah disertai dengan surat2 permohonan beasiswa tersebut.

Perkara2 yang lain mengenai dengan beasiswa itu boleh-lah diperolehi dari Pejabat Surohan Jaya Tinggi bagi India di-Malaysia, Nombor 4, Gin Lek Road, Kuala Lumpur atas permintaan.

Tarikh yang akhir bagi menerima surat2 permohonan ia-lah 1 Disember, 1964.

Surat2 yang di-terima lewat dari tarikh tersebut tidak-lah akan di-beri layanan.

Untuk pengetahuan pemohon2 beasiswa tersebut, semua surat yang tidak mengandongi perkara2 yang di-kehendaki dan juga tidak di-seritai dengan Salinan Sijil2 atau Ijazah2 yang di-kehendaki itu tidak-lah akan di-beri layanan.

Chalon2 akan di-kehendaki mengadakan pertemuan di-Pejabat Surohanjaya Tinggi bagi India di-Kuala Lumpur atau pun di-Pejabat Timbalan Surohan Jaya Tinggi bagi India di-Singapura pada satu tarikh yang akan di-tetapkan nanti, atas perbelanjaan mereka sendiri.

Dato Speaker Majlis Mashuarat Negeri Brunei Melawat U.K.

BERAKAS. — Speaker Majlis Mashuarat Negeri Brunei, Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Paduka Awang Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar telah berlepas ka-Singapura dengan kapal terbang pada 22 Oktober dalam perjalanan beliau ka-Britain untuk memerhati persidangan Majlis Mashuarat Undangan di-sana.

Majlis Mashuarat Undangan Britain di-jangka akan bersidang pada awal bulan November ini, sa-bagai persidangan pertama setelah pilihan raya umum di-jalakan di-sana baharu2 ini.

Turut bersama2 Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Ibrahim ia-lah Pemangku Juru Tulis Majlis Mashuarat Negeri, Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan Pegawai Cadet di-Jabatan Majlis2 Mashuarat, Awang Judin bin Asar.

Beliau2 itu akan berada di-Britain sa-lama kira2 tiga minggu.

Sa-belum menaiki kapal terbang, Pengiran Haji Abdul Rahman berkata beliau2 tersebut akan memerhati sambil mempelajari chara2 perjalanan sidang Parliamen di-London sa-bagai panduan Persidangan2 Majlis Mashuarat Negeri Brunei yang akan datang.

Upachara Menyampaikan Bintang2 Tenderfoot Kapada Kadet2 Puteri M.P.M.B.

BERAKAS. — Pesuruh Jaya Pandu Puteri Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Noor Ehsani telah menyampaikan Bintang2 Tenderfoot kapada 16 orang anggota2 Pasokan Pertama Kadet Puteri, Brunei Bahagian Maktab Perguruan Melayu Brunei pada petang 1 November, 1964.

Upachara tersebut telah di-adakan di-Padang Maktab Perguruan Melayu Brunei di-bawah pimpinan Pemimpin Pasokan Pertama Kadet Puteri Brunei, Chegu Dayang Zauyah binti Othman.

Sa-lepas itu, satu majlis jamuan teh telah di-adakan di-Dewan Maktab tersebut, di-mana anggota2 Pasokan Kadet Puteri itu telah mempersembahkan nyanyian2 dan tarian2.

Pemimpin Pasokan Kadet Puteri tersebut, Chegu Zauyah telah melafadzkan satu ucapan di-majlis itu.

Beliau berkata bahawa tujuan majlis jamuan itu di-adakan ia-lah untuk mengalu2kan lawatan Pesuruh Jaya Pandu Puteri Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Noor Ehsani pada kali yang pertama ka-majlis perjumpaan Pasokan

Kadet Puteri tersebut semenjak beliau di-lantek menyandang jawatan beliau yang baharu itu.

Chegu Zauyah telah mengucapkan tahniah kapada Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Noor Ehsani terhadap lantekan beliau tersebut dan berharap agar-nya Yang Teramat Mulia itu akan melawat ka-majlis2 perjumpaan Pasokan Kadet Puteri tersebut pada bila2 masa yang diizinkan.

Selain dari itu, Chegu Zauyah berkata bahawa tujuan majlis itu di-adakan ia-lah untuk mengucapkan Selamat Belayar kapada Dayang Dixon Lennett, sa-orang Pegawai Pasokan Pandu Puteri Negeri Brunei yang akan berpisah dari negeri ini tidak berapa lama lagi.

Sunggoh pun Dayang Dixon Lennett tidak dapat hadir di-majlis tersebut, kata Chegu Zauyah, akan tetapi bagi pehak Pasokan Kadet Puteri Negeri Brunei beliau mengucapkan Selamat Belayar kapada Dayang Dixon Lennett.



Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud telah merasmikan pembukaan Sekolah Melayu Sukang, di-Ulu Belait baharu2 ini. Dalam gambar ini kelihatan Y.B. Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali memotong peta sa-bagai tanda merasmikan pembukaan Sekolah Melayu tersebut.

PERADUAN MEMBACHA AL-KORAN DAERAH BRUNEI/MUARA

BANDAR BRUNEI. — Satu Peraduan Membacha Kitab Suci Al-Koran Perengkat Daerah Brunei/Muara akan di-adakan pada 12 dan 13 Disember, 1964 bertempat di-Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

PERADUAN CHERPEN ASTERAWANI

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) Brunei akan menganjorkan peraduan menulis cherita pendek bagi tahun yang ke-tiga.

Peraduan cherpen itu adalah terbuka kepada penduduk2 Negeri Brunei sahaja.

Tajuk cherpen itu di-bebasikan dan panjang-nya ialah antara 1,200 hingga 2,000 perkataan.

Tiap2 cherpen mesti-lah di-taip di-sabalah muka kertas sahaja dengan menggunakan jarak dua baris dan mesti-lah di-hantar sekali dengan tiga salinan.

Penulis boleh-lah menggunakan nama samaran (jika ada) di-samping nama saberan dan hendak-lah menulis alamat pada kertas yang berasingan dari kertas cherita yang akan di-tandingkan.

Tiga cherpen yang terbaik akan di-beri hadiah2 yang istimewa. Di-samping itu, satu hadiah sagu hati akan di-beri kepada penulis chepen yang mendapat tempat yang ke-empat dalam peraduan tersebut.

Untuk pengetahuan cherpenis2, semua cherpen yang di-pertandingkan akan menjadi hak Persatuan Asterawani.

Segala cherpen hendak-lah di-hantarkan kepada Setia Usaha Agong, Persatuan Asterawani, Peti Surat 434, Brunei tidak lewat dari 31 Disember, 1964.

nak2 seperti tahun2 lepas tidak di-adakan.

Keputusan tersebut telah ditetapkan dalam mashuarat Jawatankuasa Peraduan Membacha Al-Koran Perengkat Daerah Brunei/Muara di-Mahkamah Sha'riah, Bandar Brunei pada pagi 31 Oktober.

Pengerusi mashuarat tersebut, Abang Razali bin Haji Zainuddin menyatakan bahawa Peraduan Bachaan Al-Koran bahagian kanak2 itu tidak di-adakan ialah kerana memandang kepada Peraduan Bachaan Al-Koran Perengkat Penuntut2 U gama

yang di-adakan pada tiap2 tahun. Sementara itu, sa-orang Juru-chakap Peraduan Bachaan Al-Koran Perengkat Negeri Brunei telah mengemukakan bahawa Peraduan Bachaan Al-Koran Perengkat Negeri itu akan di-adakan pada malam2 1 dan 2 Januari, 1965 di-Padang Besar, Bandar Brunei.

Ini-lah pertama kali-nya Peraduan tersebut akan di-adakan di-Padang Besar Bandar Brunei. Pada tahun2 yang lalu peraduan tersebut telah di-adakan Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

ANGGOTA2 BAHARU ASKAR MELAYU BRUNEI

BERAKAS. — Seramai 42 orang pemuda2 tempatan telah di-pilih untuk berkhidmat sa-bagai parajurit2 Askar Melayu Brunei.

Bakal2 parajurit2 tersebut adalah seperti berikut:

Awang Muhammad bin Abu Bakar, Kampong Sungai Lampai, Brunei. Mohd. Shah bin Sulaiman, Kampong Saba Ujong, Kampong Ayer, Brunei. Ismail bin Nudin, Kampong Pekan Lama, Brunei. Shamri bin Ajmain, Perkhidmatan Bomba, Brunei. Md. Sulong bin Ahmad, Kampong Sungai Kedayan, Brunei. Jamil bin Ahmad, Jabatan Kerja Raya, Brunei.

Abdul Karim bin Bandul, Sekolah Melayu Masin, Brunei. Nawi bin Ja'afar, Kampong Lorong Sekuna, Brunei. Nain bin Sahat, d/a Kamis bin Ja'afar, Pejabat Pos, Brunei. Emran bin Jinin, d/a Zakaria bin Jinin, Sekolah Melayu Sungai Liang. Lamat bin Abdullah, Pejabat Tanah, Brunei. Hussin bin Mantal, Kampong Batu Marang, Brunei.

Puteh bin Tuah, d/a Pengiran Ibrahim, V 22, Pasar Seria. Md.

Said bin Ahmad, Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Brunei. Awang Besar bin Orang Kaya Haji Layah, Sekolah Melayu Tanjong Maya, Tutong. Abdul Karim bin Mohmat, Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Brunei. Abdul Karim bin Bandul, Kampong Masin, Brunei. Bolhassan bin Abdul Rahman, Peti Surat 147, Seria.

Jambal bin Mahadi, Kampong Keriam, Tutong. Ishak bin Zainal, Brunei. Jaludin bin Kassim, B.S.P. Material, Seria. Hasim bin Zainal Abidin, Jabatan Kehutanan, Brunei. Saharudin bin Adol, d/a P.C. 251 Sulong, Balai Pulis Panaga, Belait. Zalani bin Suhaili, Rumah Sakit B.S.P., Kuala Belait.

Awangku Besar bin Pengiran Hidup, Kampong Menengah, Bangar, Temburong. Samsuddin bin Sabtu, Kampong Baru, Temburong. Ahmad bin Tengah, Kampong Batu Apoi, Temburong. Ladi bin Ali, d/a Idris bin Ali, Lapangan Terbang Berakas, Brunei. Ardi bin Ja'afar, Sekolah Melayu Delima I, Berakas, Brunei. Ahmad Bujang bin Abdullah,

Maktab Perguruan Melayu, Berakas, Brunei.

Ahmad bin Haji Metarsad, Kampong Puda, Kuala Brunei. Bakir bin Bakar, Kampong Batu Marang, Brunei. Ali bin Timbang, Kampong Batu Marang, Brunei. Md. Daud bin Yakub, Sekolah Melayu Lamunin, Tutong. Ali Yusof bin Majid, Kampong Lamunin, Tutong. Labang bin Egong, Kampong Kiudang, Tutong.

Ahmad bin Hassan, Tanjong Maya, Tutong. Abdul Latif bin Bungsu, Kampong Penanjong, Tutong. Abdul Karim bin Ismail, Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong. Jamil bin Md. Ali, Kampong Danau, Tutong. Yusof bin Mohd. Yunus, Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Brunei dan Meraji bin Haji Mihidin, Kampong Saba Laut, Brunei.

Mereka ada-lah di-kehendaki menunggu ketibaan kenderaan Askar Melayu Brunei di-tempat2 dan waktu2 yang berikut pada 10 November, 1964 untuk di-bawa ka-Berakas Kem bagi menjalani latihan sa-bagai anggota2 baharu Askar Melayu Brunei.

Kuala Belait: Di-Pejabat Pos pukul 8.50 pagi. Seria: Di-Pejabat Daerah—pukul 9.30 pagi. Tutong: Di-Balai Pulis — pukul 10.25 pagi. Simpang Lamunin, Jalan Tutong-Brunei—10.55 pagi. Muara: Di-Balai Pulis—pukul 10.00 pagi. Kampong Delima I: Di-Sekolah Melayu—pukul 10.30 pagi dan Bandar Brunei: Di-Dewan Kemasyarakatan — pukul 11.10 pagi.

PEGAWAI2 KASTAM MERAMPAS CHANDU BERHARGA \$1,000

BANDAR BRUNEI. — Sa-rombongan Pegawai2 Kastam tempatan, dengan di-ketuai oleh Penyelia Kastam di-Bandar Brunei, Pengiran Damit bin Pengiran Sabtu telah berhasil merampaskan chandu yang berharga kira2 \$1,000 dari kapal Bruas baharu2 ini.

Chandu tersebut, di-simpan dalam sa-buah tin roti dan berat-nya kira2 empat pound, telah di-dapati dalam sa-buah tempat simpanan barang2 sa-orang kelasi kapal pada masa kapal itu tiba di-Brunei dari Singapura.



Sa-bilangan di-antara Pegawai2 Kastam di-Bandar Brunei yang telah merampaskan chandu berharga kira2 \$1,000 dari kapal Bruas baharu2 ini kelihatan dengan chandu yang di-rampaskan itu. Di-tengah ia-lah Penyelia Kastam Pengiran Damit bin Pengiran Sabtu. — Block dengan ehsan akhbar "The Borneo Bulletin".

LANGGAM SUARA: GELORA NEGARA

(Oleh Ahmad Arshad)

DI-MANA kita mahu berpijak sekarang! kemana hati dan rasa harus kita hala! Apakah tugas kita sudah selesai! . . . Perlu-kah kita berpelok tuboh—memendam rasa puas dan chukup untuk hasil minyak yang tinggal sa-sendok.

Duhai warisan ibu yang ter-chinta! Buka-lah mata! me-nongkan sebentar! Ligatkan-lah putaran otak yang waras! Buka-kan-lah hati mu menjangkau rasa! Dan analisa-lah 'gelora ne-gara.'

Gelora negara menuju ka-ambang kemerdekaan tulin . . . Ge-lora negara memachu kebangkitan rasa tanggung-jawab . . . Gelora negara memachu kebangkitan rasa bebas. Gelora negara memachu kebangkitan taraf ra'ayat nan luas.

Pendam-lah rasa tidak puas ketika kita menchipta ke-agongan negara terchinta. Setitek keringat dari mu berarti kau menumpah bakti pada-nya.

Dengar-lah duhai warisan ibunda! rasakan-lah oleh mu be-tapa satu ketika dulu kita tiada bernafas kita terpakar di-lautan tidak bertepi hidup kita umpama yatim piatu.

Pernah antara kita bertanya: Kenapa negara terchinta pudar hidup-nya? kenapa hidup-nya umpama mayat? Kenapa tiada bermaya? Kenapa dan menga-pa? Soal tinggal soal saja ha-rap sa-patah tiada berjawab da-da antara kita sebak memandam rasa rasa ingin berkhidmat un-tok keagongan ibunda.

LANGIT RUNTOH . . .

Duhai, betapa nasib kita di-kala itu sedeh dan pilu santapan hati di-toleh ka-kiri, betapa-lah pilu-nya di-toleh ka-kanan, be-tapa-lah sedeh-nya tengadah ka-tas, langit runtoh ada-nya tundok ka-bawah, bumi merkah ketawa.

Yah, segala yang melata di-muka bumi serasa menghina dan mengijek bahawa kita-lah hamba yang paling lembab bahawa kita-lah hamba yang paling menggan-tong harap pada yang berhasil pada sa-jengkal tahun. Antara kita pernah berkata: Kita bo-leh hidup senang linang kita mempunyai kekayaan yang agong kekayaan kita akan kekal untuk beratus tahun .

Duhai warisan ibu yang ter-chinta, apa-lah pada mengharap yang tiada kekal bakti sudah kita chapai kini bahawa minyak yang di-harap terdengar-lah sudah bakal kering-nya. Menongkan-lah duhai warisan ibu chuma 6 abad ia berada dan sa-lepas itu mungkin lenyap entah kemana.

Jadi, kalau benar-lah harapan tertumpu untuk seperti yang di-kata apa-lah jadi-nya warisan di-hari muka tergamak-kah kita membiarkan mereka terkapar? Tergamak-kah membiarkan turunan kita hidup seperti chaching di-tempa panas akan senyumkan kita; dan akan gembirakan se-mua-nya melihat turunan di-hari

muka hidup tak ubah-nya UNGGAS ?

Tentu sekali tidak, kita tidak rela. Kita ada-lah manusia kita di-jadikan untuk berbakti. Kita ada-lah manusia seperti manusia lain di-muka bumi melata kita chinta pada kebahagiaan hidup kita chinta pada kerukunan kita chinta pada keamanan kita chinta pada kemakmoran.

BAYI2 MEMINTA SUSU

Sa-benar-nya-lah kita benchi perpechahan, kita tidak rela pada perpechahan berlaku. Kita mahu negara kita di-lingkari sua-sana aman damai kita tidak mahu anak-chuchu kita terkapar dengan tidak tentu arah tujuan. Kita tidak rela isteri2 dan ke-kaseh2 dalam bersedeh kita tidak ingin pada regekan bayi2 mem-inta susu.

Sekarang, sudah tiba masa-nya masa bukan untuk perpechahan tetapi perpaduan untuk menchipta negara terchinta di-kemun-chak jaya dan keharuman nama. Untuk semua itu, kita sama2 membenting tulang kita sama berjuang menchipta kemakmoran ba-hu-membahu dengan semangat waja.

Ketahui-lah olehmu wahai warisan ibu, bahawa chorak pemerintahan tahun hadapan puteh hitam-nya di-tangan ra'ayat jelata. Kira-nya ra'a-yat menchipta pada yang hitam, hi-tam dan kabut-lah juga suasana ne-gara, tetapi kira-nya puteh di-chip-ta puteh-lah suasana dan akan jer-neh-lah hidup kita akan kita sua-lah senyum turunan kita sa-tiap detek.

Ketahui-lah, bahawa peluang ini ada-lah menandakan kejujuran Kera-jaan kita pegawai2 tinggi-nya berse-dia mengundur diri bersedia untuk di-ganti oleh ra'ayat yang berkebole-han, Mereka tidak gentar meninggal-kan kerusi empok mereka lebeh suka membela nasib ra'ayat. Maka itu mereka meminta supaya pilihan ray: bebas ujud dengan segera.

Dan Baginda Sultan kita yang di-kasehi telah bertitah dengan penoh kerelaan bahawa baginda bersedia menyerahkan sabahagian kuasa2 ka-pada ra'ayat jelata. Baginda ingin melihat pemerintahan demokrasi tu-lin. Baginda ingin melihat chorak Pemerintahan oleh ra'ayat untuk ra'ayat yang baginda kasehi.

Sekarang berbentang di-mata ter-dengar di-kopeng telinga bahawa beberapa ranchangan untuk kemajuan dan kemakmoran negara sedang dan telah lanchar di-usaha semua untuk kebahagiaan ra'ayat jelata.

Dan banyak lagi perkembangan2 negara akan di-lancarkan segera ke-tika ini hanya menunggu saat dan ketika untuk di-nikmati ra'ayat jelata.

WAKTU :

TIADA DI-TUNGGU

Tapi sa-belum itu kita bertanya apakah tugas kita untuk semua itu waktu dan bila tenaga di-minta: Sa-benar-nya waktu tiada di-tunggu bila tiada di-tanya: Yah, sekarang, se-karang dan sekarang. Kita tidak per-lu menunggu untuk di-kerah kita tidak perlu menunggu untuk di-jawab

hanya kita mesti menyedari bahawa kita ada-lah kita, kita ada-lah untuk membangun ibunda.

Ketahui-lah, segala ranchangan un-tok negara tidak bisa berjalan penoh jaya kalau kita sa-bagai ra'ayat-nya tidak mahu berusaha dan bekerja-sama.

Ketahui-lah, bahawa ada-nya Kerajaan ada-lah ra'ayat ada-nya negara ada-lah kita semua tidak ada-nya ra'ayat, tidak ujud kerajaan dan negara. Oleh itu ada-lah tugas kita sa-bagai hamba ra'ayat bertungkus lumus memerah keringat untuk keba-hagiaan hidup kita sa-bagai umat.

Le-mah kita ber-arti lemah negara kuat kita berarti kuat negara un-tok memuteh-hitam semua terletak di-bahu kita.

INI-LAH MASA-NYA . . .

Ini-lah masa-nya ini-lah sa'at dan ketika bagi kita anak negara mengo-rak langkah penoh tenaga membena kemakmoran dalam sejahtera. Aman, damai dan makmor untuk negara Brunei Darus-salam ada-lah tugas ki-ta hamba ra'ayat.

Berkumandang-nya nama Brunei di-angkasa yang maha tinggi ada-lah senyum juga antara kita, ya, kita bangga! kerana itu tugas kita sa-bagai penchipta aman dan makmor dan hidup Brunei sentiasa dalam sejahtera.

Tetapi sangketa kira-nya kita akan di-kutok habis2an kerana kita tidak upaya mengujudkan aman, makmor dan sejahtera idaman. Dan apa-lah jadi warisan kita yah, barang tentu hidup terkapar tanpa haluan.

Jadi, sekarang kita ada-lah anak2 penchinta, aman, makmor dan sejahtera mari, kita lenggankan tari Mak Inang dengan lemah gemalai lagi manawan bersama kita dengan Kera-jaan memandu bahtera idaman.

Ya, pudar-nya Brunei malap-lah chahaya anak2 di-dalam-nya indah dan permai-nya Brunei megah-lah kita dalam sejahtera.

IKATAN BELIA BERAKAS DI-TUBOHKAN

(Oleh Md. Diah Abu Bakar)

BERAKAS. — Sa-buah lagi Persatuan Belia telah di-tubuhkan di-Negeri Brunei baharu2 ini. Persatuan itu ia-lah **IKATAN BELIA BERAKAS, BRUNEI (Rengkas-nya I.B.B.B.)**.

Persatuan tersebut berpusat di-Kampung Anggerek Desa Berakas.

Ahli2-nya ada-lah mengand-ongi pemuda-pemuda dari empat buah kampung di-Berakas, ia-itu Kampung Delima I, Kam-pong Delima II, Kampung Ang-gerek Desa dan Kampung Pulaie.

Penubohan Persatuan Ikatan Belia Berakas, Brunei telah di-persetujui dalam satu perjumpaan belia2 dari empat buah kampung2 tersebut bertempat di-Sekolah Melayu Anggerek Desa baharu2 ini.

Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh, Ketua Kampung Ang-gerek Desa, Berakas telah mem-impin mashuarat tersebut.

Dalam ucapan beliau di-majlis itu, Pengiran Damit ber-kata "Sebagaimana kita ketahui, beberapa buah persatuan yang serupa ini telah di-tubuhkan di-Tanah Ayer kita ini. Oleh yang demikian, demi untuk mengerat-kan persahabatan dan tali per-saudaraan pemuda pemudi di-

kampung ini, maka sebab itu-lah kita menubuhkan-nya".

Pengiran Damit berharap agar-nya pemuda-pemudi di-kampung2 tersebut yang menjadi ahli2 Ikatan Belia Berakas, Brunei akan bersatupadu pada sa-tiap masa dalam segala lapangan yang akan memberi kebajikan kapada persatuan itu.

Tujuan persatuan tersebut ia-lah untuk mendidik "JIWA MASHARAKAT" supaya sen-tiasa di-ikat oleh perpaduan dan persaudaraan — di-samping menggalakkan dalam bidang seni dan sokan juga persaudaraan, serta ta'at setia kapada Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

PEGAWAI2 SEMENTARA

Pegawai2 sementara Ikatan Belia Berakas, Brunei yang telah di-lantek dalam mashuarat ter-sebut ia-lah seperti di-bawah ini :

Penasehat : Yang Berhormat Awang Mohamed Salleh bin Abdul Kadir.

Yang Dipertua : Pengiran

Damit bin Pengiran Sunggoh. Naib Yang Dipertua : Chegu As-makhan bin Abdul Khan.

Setia Usaha Agong : Chegu Awangku Yunus bin Pengiran Besar. Penolong Setia Usaha Agong : Awang Mohamed Hasan bin Timbang. Penyimpan Wang : Awangku Ismail bin Pengiran Damit. Pemereksa Kira2 : Awangku Abidin bin Pengiran Ahmad.

Ahli2 Jawatan Kuasa : Dayan-gku Mariah binti Pengiran Ah-mad, Md. Daud bin Timbang, Dayang Ros binti Ahmad, Awan-gku Md. Don bin Pengiran Besar, Dayangku Zubaidah binti Pengiran Ahmad dan Awangku Suhaili bin Pengiran Haji Ghani.

Ketua Seksi Kesenian dan Ke-budayaan : Awang Mohamed Diah bin Abu Bakar. Penolong Ketua Seksi Kesenian dan Ke-budayaan : Dayangku Basrah bt. Pengiran Ahmad.

Ketua2 Seksi Persuratan dan Penerangan : Awangku Sabtu bin Pengiran Md. Salleh dan Awan-gku Suhaili bin Pengiran Haji Ghani.

Ketua Seksi Pelajaran : Chegu Asmahkhan bin Abdul Khan.

Ketua Seksi Sosial dan Kebail-kan : Awang Othman bin Omar.

Ketua Seksi Sokan : Awangku Kamaludin bin Pengiran Besar.

GAMBAR-GAMBAR KENANGAN



☆ ☆ ☆



☆ ☆ ☆



☆ ☆ ☆


Gambar2 yang di-siarkan di-muka iri di-ambil pada masa Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan melawat ka-Daerah Temburong dan ka-pusat Pemulihan Semula Orang2 Tahanan di-Bunut, Duli Yang Maha Mulia merasmikan pembukaan saloran paip minyak di-laut dan juga pada masa keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dari Brunei ka-England.

Gambar atas sa-belah kanan : Gambar ini di-ambil di-Lapangan Terbang Berakas pada masa di-adakan bacaan Do'a Selamat sa-jurus sa-belum Baginda dan Putera2 Baginda serta rombongan berangkat ka-England. Gambar atas sa-belah kiri: Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf merziarahi Baginda sa-belum Baginda menaiki kapal terbang ka-England.

Gambar tengah sa-belah kiri: Gambar ini di-ambil pada masa lawatan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan ka-Pusat Pemulihan Sa-Mula Orang2 Tahanan di-Bunut. Gambar tengah sa-belah kanan: Sa-orang ibu kelihatan merziarahi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan pada masa lawatan Baginda ka-Daerah Temburong baharu2 ini.

Gambar bawah sa-belah kiri: Duli Yang Maha Mulia kelihatan bertitah sa-belum Baginda merasmikan pembukaan saloran paip minyak kepunyaan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad di-Kuala Belait pada 28 Oktober, 1964. Saloran paip yang baharu itu di-gunakan untuk menguji penghasilan minyak dari tiga buah telaga2 di-laut, letak-nya kira2 enam batu dari pantai Kuala Belait. Gambar bawah sa-belah kanan: Pengarah Urusan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Awang P.E. Thompson kelihatan memberi ucapan sa-belum Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan merasmikan pembukaan saloran paip minyak di-Kuala Belait baharu2 ini.

☆ ☆ ☆



☆ ☆ ☆



PERJUMPAAN GURU-GURU UGAMA DAERAH TEMBURONG

BANGAR. — Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Puasa bin Tudin telah merasmikan pembukaan Perjumpaan Guru2 Ugama Daerah Temburong bertempat di-Klub Temburong pada pagi 24 Oktober, 1964.

Awang Puasa telah mewakili Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Syed Shahminan yang tidak dapat hadir dalam upacara tersebut.

Dalam ucapan-nya, Awang Puasa telah mensifatkan perjumpaan itu sa-bagai satu langkah demi untuk memperbaiki lagi chara2 memahami Ugama Islam dan mengembangkannya sesuai dengan sifat-nya sa-bagai Ugama rasmi di-negeri ini.

Sementara itu, Timbalan Kadhi Besar Brunei, Awang Md. Zain bin Haji Serudin sa-bagai mewakili Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama Brunei telah mensifatkan Guru2 Ugama Sa-bagai jentera untuk menggerakkan pendidikan Islam di-negeri ini.

Beliau menekankan, guru2 yang benar2 jujur dan menjalankan tugas-nya dengan baik bolehlah di-sifatkan sa-bagai pahlawan sejati yang memimpin masyarakat ka-araf kesedaran beragama, berbangsa dan bernegara.

Awang Md. Zain menjelaskan, walaupun tidak ada tugu peringatan bagi mengenang jasa dan bakti guru2 dalam perjuangan mereka menyebarkan ilmu pengetahuan, tetapi jasa dan khidmat mereka itu tetap di-kenang pada sa-tiap masa.

Mengenai tugas guru, katanya, bukan-lah hanya mengajar di-sekolah, bahkan ada-lah dikehendaki supaya sentiasa berusaha dan memimpin serta memperbaiki keadaan masyarakat bangsa-nya.

Masyarakat di-negeri ini, katanya, ada-lah berkehendakkan perkhidmatan guru dengan penuh kejujuran dan ketabahan.

Terdahulu dari itu, Pemereksa Sekolah2 Ugama Temburong, Awang Abdul Rahman bin Khatib Abdulah telah menyatakan lagi perpaduan Guru2 Ugama di-samping mengkaji kemajuan dan kemunduran pelajaran Uga-

ma di-daerah itu.

Perjumpaan itu telah di-hadiri oleh 22 orang guru2 Ugama di-Daerah Temburong termasuk 6 orang perempuan dan jempu-tan2 khas.

SHARAHAN2 UGAMA ISLAM

BANDAR BRUNEI. — Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam, Brunei akan melawat ka-beberapa tempat di-Negeri Brunei dalam bulan ini untuk memberi sharahan berkenaan dengan Ugama Islam.

Jadual lawatan tersebut adalah seperti berikut:

Hari Juma'at 6 November: 11 pagi ka-12.30 tengah hari—Masjid Setia Ali, Muara.

Hari Sabtu 7 November: 6.30 petang ka-8 malam—Masjid Muhammad Jemalul Alam, Kuala Belait.

Hari Juma'at 13 November: 11 pagi ka-12.30 tengah hari—(a) Masjid Danau, Tutong dan (b) Masjid Batu Apoi, Temburong.

Hari Juma'at 20 November: 11 pagi ka-12.30 tengah hari—(a) Masjid Birau, Tutong dan (b) Masjid Berbunut, Temburong. 2 petang ka-4 petang—Kampung Pengiran Tajuddin Hitam, Kampung Ayer, Brunei.

Hari Juma'at 27 November: 11 pagi ka-12.30 tengah hari—Masjid Sengkurong. 2 petang ka-4 petang—Sekolah Melayu Sungai Besar, Brunei.

Orang ramai, lelaki dan perempuan ada-lah di-jemput ka-tempat2 tersebut untuk mendengarkan sharahan2 berkenaan dengan Ugama Islam Yang Maha Suci, bagi kebajikan masyarakat samom-nya.



Pegawai2 Pertanian Bertugas Di-Tasek

BANDAR BRUNEI.—Sa-banyak 150 ekor ikan ayer tawar telah dilepaskan ka-dalam Kolam Ayer Tasek yang baharu oleh Pegawai2 dari Jabatan Pertanian Negeri Brunei baharu2 ini untuk membantu bagi memusnahkan nyamok2 daripada merebak dan menghapuskan lumut2 dalam tasek itu.

Ikan2 tersebut mengandungi 50 ekor jenis Grass Carp (Chow Hu), 50 ekor jenis Gourami (Osphronemus Gouramy) dan 50 ekor lagi ikan jenis Telapia (Tilapia Mossambica). Beberapa banyak lagi ikan2 ayer tawar akan di-lepaskan ka-dalam Kolam Ayer Tasek tersebut pada masa akan datang.

Dalam gambar di-atas kelihatan Pegawai2 dari Jabatan Pertanian Negeri Brunei di-tepi Kolam Ayer Tasek pada masa ikan2 tersebut di-lepaskan ka-dalam kolam ayer itu. Dari kiri ia-lah: Awang Amba bin Haji Kasim, Awang Ahmad bin Haji Bayan, Pegawai Pertanian Negara Brunei Yang Berhormat Awang Hamidoon bin Awang Damit, Awang Wilfred Agne dan Awang Tuah bin Buang.

WAKTU2 SEMBAHYANG, AMSAK DAN MATA-HARI TERBIT

Waktu2 sembahyang, amsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 4 November hingga ka-hari Selasa 17 November, 1964 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Amsak	Suboh	Matahari Terbit	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha
4	4.33	4.48	6.05	12.10	3.28	6.07	7.22
5	4.33	4.48	6.05	12.10	3.28	6.07	7.22
6	4.34	4.49	6.06	12.10	3.28	6.07	7.22
7	4.34	4.49	6.06	12.10	3.28	6.07	7.22
8	4.34	4.49	6.06	12.10	3.28	6.07	7.22
9	4.34	4.49	6.06	12.10	3.28	6.07	7.22
10	4.35	4.50	6.07	12.11	3.29	6.07	7.22
11	4.35	4.50	6.07	12.11	3.29	6.07	7.22
12	4.35	4.50	6.07	12.11	3.29	6.07	7.22
13	4.35	4.50	6.07	12.11	3.29	6.07	7.22
14	4.35	4.50	6.07	12.11	3.29	6.07	7.22
15	4.35	4.50	6.07	12.11	3.29	6.07	7.22
16	4.36	4.51	6.08	12.11	3.29	6.07	7.22
17	4.36	4.51	6.08	12.11	3.29	6.08	7.23

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu. Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

KERJA KOSONG:

Penyelenggara Setor Di - Pejabat Penjara

Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi jawatan Penyelenggara Setor Tingkat III di-Pejabat Penjara, Brunei.

Gaji: Dalam sukatan gaji E.1-2-3 \$183x7-211-220x10-260-280-290-300.

Hanya pemohon2 yang mempunyai kelayakkan2 dan pengalaman seperti berikut boleh di-timbangan:—

- (a) Pemohon2 mesti-lah ra'ayat Sultan Brunei atau pun berhak untuk menjadi ra'ayat Sultan.
- (b) Pemohon2 mesti-lah berkelulusan Darjah V Sekolah Melayu dan Form I Sekolah Inggeris atau yang bersamaan dengan-nya.
- (c) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman sekurang2-nya 3 tahun dalam kerja setor.

Permohonan2 daripada pegawai2 Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka. Ketua2 Pejabat di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 5 November, 1964.

BOLA SEPAK: M. P. M. B. — 14 GOL SEKOLAH2 MELAYU—1 GOL

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei telah mengalahkan Pasokan Champoran Sekolah2 Melayu Seluruh Negeri Brunei dengan 14 gol berbalas 1 gol dalam Perlawanan Bola Sepak Maktab2 dan Sekolah2 Menengah, Perengkat Suku Akhir.

PERLAWANAN BOLA TAMPAR SEKOLAH2 MELAYU

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan Akhir Bola Tampar Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei akan di-langsungkan di-Bandar Brunei pada petang 15 November, 1964.

Perlawanan2 Kejohanan Sekolah2 Melayu Bahagian2 Belait, Tutong dan Brunei II telah pun di-jalankan baharu2 ini.

Perlawanan Kejohanan Sekolah2 Melayu Bahagian Temburong akan di-adakan di-Bangar pada petang hari ini.

Pasokan2 yang akan mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut ia-lah Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar dan Sekolah Melayu Kenoa.

Perlawanan Kejohanan Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei I akan di-adakan di-Padang Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei pada 8 November, 1964 mulai pada pukul 4.30 petang di-antara Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam dengan Sekolah Melayu Lela Menchanai, Kampong Ayer.

Dalam Perlawanan Bola Sepak tersebut, Perengkat Sa-paroh Akhir, Pasokan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei telah mengalahkan Pasokan Maktab Anthony Abell, Setia dengan 3 gol berbalas 1 gol.

Perlawanan tersebut telah di-langsungkan di-Padang Kuala Belait pada petang 31 Oktober yang lalu.

Dengan kemenangan-nya itu, Pasokan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah berjaya memasuki Perlawanan Perengkat Akhir.

Perlawanan tersebut akan di-adakan di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Khamis 12 November, 1964.

Dalam Perlawanan Perengkat Akhir itu, Pasokan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin akan bertemu dengan pasokan yang menang dalam Perlawanan Perengkat Sa-paroh Akhir di-antara Pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei dengan Pasokan Sekolah Saint Andrews yang akan di-langsungkan di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang esok.

Perlawanan bola sepak tersebut telah di-adakan di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang 29 Oktober, 1964.

Maka dengan kemenangan-nya itu, Pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei akan melawan Pasokan Sekolah Saint Andrews, Bandar Brunei dalam Perlawanan Perengkat Sa-paroh Akhir.

Perlawanan tersebut akan di-langsungkan di-Padang Besar, Bandar Brunei pada petang hari Khamis 5 November, 1964.

Sementara itu, Maktab Anthony Abell, Setia telah mengalahkan Sekolah Saint Michael, Setia dengan 8 gol berbalas 2 gol dalam satu lagi Perlawanan Bola Sepak tersebut, Perengkat Suku Akhir di-Padang Maktab Anthony Abell pada petang 26 Oktober yang lalu.

TARI MENARI PALANG MERAH

SERIA. — Satu temasha Tari Menari Derma Bakti di-bawah anjoran Persekutuan Palang Merah Brunei telah di-adakan di-Dewan Shell Recreation Club, Setia pada malam 31 Oktober, 1964.

Pancharagam Tentera Udara Di-Raja Inggeris di-kawasan Timor Jauh telah bermain di-temasha tersebut.

Satu chabutan nombor2 Buku2 ranchangan telah di-adakan di-temasha tersebut.

Nombor2 Buku2 Ranchangan yang bertuah itu ada-lah seperti berikut:

Hadiah Pertama: Buku Ranchangan Nombor 2427 — Dua tiket kapal terbang C.P.A. Brunei-Hong Kong-Brunei dan tempat tinggal di-Hong Kong dengan perchuma selama sa-minggu.

Hadiah Kedua: Buku Ranchangan Nombor 1611 — Satu tiket kapal terbang Sharikat Penerbangan Malaysia Brunei — Singapura — Brunei.

Hadiah Ketiga: Buku Ranchangan Nombor 0670 — Satu jam tangan emas perempuan jenis Omega. Hadiah Ke-empat: Buku Ranchangan Nombor 2822 — Satu jam tangan lelaki jenis Rolex. Hadiah Ke-lima: Buku Ranchangan Nombor 0066 — Satu tiket kapal terbang Brunei—Kuching — Brunei. Hadiah Keenam: Buku Ranchangan Nombor 2969 — Satu tiket kapal terbang Brunei — Tawau — Brunei.

Hadiah2 Sagu Hati Buku2 Ranchangan Nombor 2452, 2589, 2716, 0487, 0287, 0284, 0965, dan 1359.

Perlawanan Bola Jaring Sekolah2 Melayu

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan Bola Jaring Sekolah2 Melayu, untuk merebutkan Kejohanan Bahagian Brunei I akan di-langsungkan di-Padang Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei pada 11 November, 1964 mulai pada pukul 3.30 petang.

Sekolah2 yang akan mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut ia-lah Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Sekolah Melayu Raja Is-teri Fatimah dan Sekolah Melayu Sungai Kebun.

Perlawanan Bola Jaring tersebut, Bahagian Brunei II, Pusingan2 Suku Akhir dan Sa-paroh Akhir akan di-adakan di-Padang Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei pada 9 November, 1964 mulai pada pukul 3 petang.

Perlawanan Perengkat Akhir akan di-langsungkan di-Padang Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei pada 14 November, 1964 mulai pada pukul 3 petang.

Sekolah2 yang akan mengambil bahagian dalam perlawanan2 tersebut ia-lah seperti berikut:

Sekolah Melayu Sengkurong; Sekolah Melayu Pengkalan Batu; Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut; Sekolah Melayu Gadong; Sekolah Melayu Anggerek Desa; Sekolah Melayu Delima I, Berakas; Sekolah Melayu Sungai Hanching; Sekolah Melayu Sultan Umar Ali Saifuddin, Muara dan Sekolah Melayu Burong Pingai, Berakas.

Empat buah Sekolah2 Melayu di-Daerah Temburong akan mengambil bahagian dalam Perlawanan Bola Jaring Sekolah2 Melayu untuk menentukan Kejohanan Daerah Temburong bertempat di-Bangar pada petang hari ini.

Sekolah2 tersebut ia-lah Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar; Sekolah Melayu Amo; Sekolah Melayu Puni dan Sekolah Melayu Bokok.

Perlawanan2 Kejohanan Bahagian2 Tutong dan Belait telah pun di-jalankan baharu2 ini.

Pasokan2 yang menjadi Johan dalam tiap2 Bahagian akan mewakili Sekolah2 Melayu Bahagian masing2 dalam Perlawanan Perengkat Akhir di-Bandar Brunei pada petang 22 November, 1964.

TINJU3 Perlawanan Kejohanan Sa - Dunia

BOSTON. — Perlawanan Tinju Ke-johanan Sa-Dunia, Bahagian "Heavy Weight" akan di-adakan di-Boston, Amerika Sharikat pada 16 November, 1964 di-antara Cassius Clay dan Sonny Liston.

Cassius Clay telah mengalahkan Sonny Liston dalam Perlawanan Tinju Ke-johanan Sa-Dunia, Bahagian "Heavy Weight" pada tahun 1963.

Wayang Gambar Derma Bakti Anjoran G.E.P.

KAMPONG BAKUT SIRAJA MUDA. — Satu pertunjukan wayang gambar untuk mengutip derma bagi membantu Gabungan Empat Persatuan tempatan akan di-adakan di-Panggung Boon Bang Baharu dalam bulan ini.

Persatuan2 yang berkenaan itu ia-lah Persatuan Badan Kesatuan Tunas Ibunda Brunei (BAKTI), Persatuan Angkatan Tunas Harapan Brunei (PATUH), Persatuan Pakatan Pemuda Kampong Ayer Brunei (3PKA) dan Persatuan Perkumpulan Perempuan Brunei.

Tarikh yang tepat dan filem yang akan di-tayangkan itu, sama-ada filem Melayu, Hindustan atau pun Inggeris, belum-lah dapat di-tentukan lagi.

Tujuan besar mengadakan tayan-gan wayang gambar itu ia-lah untuk :

- * Membangunkan Rumah Persatuan.
- ** Menambahkan lagi ta-bung wang persatuan.
- *** Melichinkan kerja2 persatuan ka-arah pembangu-nan masyarakat am-nya dan masyarakat Melayu khusus-nya.

Kerja2 bagi melaksanakan projek2 tersebut sudah pun di-jalakan dan sa-buah Jawatan Kuasa telah di-bentok untuk menyele-nggarakan projek2 itu sa-hingga berjaya-nya.

Ahli2 Jawatan Kuasa tersebut ada-lah seperti berikut :

Pengerusi — Pengiran Tuah

bin Pengiran Mohammad (dari Persatuan PATUH).

Setia Usaha — Awangku Bada-ruddin bin Pengiran Haji Damit (dari Persatuan BAKTI). Penolong Setia Usaha: Awang Ali Yusof (dari Persatuan 3PKA).

Pengawas Penerangan: Ak. Shamsu bin Pengiran Haji Kadar (dari Persatuan BAKTI). Pengawas tiket: Dayang Rogayah binti Abdul Rahman (dari Persatuan Perempuan). Pengawas Hari Pertunjukan: Awang Azahari bin Haji Apong (dari Persatuan 3PKA).

Bendahari — Pengiran Sulaiman bin Pengiran Buntar (dari Persatuan PATUH). — Berita kiriman Awangku Shamsu bin Pengiran Haji Kadar.

Pertandingan "Talentine" Radio Brunei

SERIA. — Othman Paun, berumur 24 tahun, sa-orang biduan dari Pancha Kirana Orkest, telah berjaya di-pilih untuk menyandang gelaran sebagai BINTANG RADIO BRUNEI BAHAGIAN INGGERIS TAHUN 1964 dalam Pertandingan Akhir "Talentine". Othman telah menyanyi lagu "Island in the Sun" atau pun "Pulau dalam Mata Hari".

KONGRES JAYCEE SA-DUNIA

Oklahoma. — Pertubohan Dewan Belia Antara Bangsa (JAYCEE) Sa-Dunia telah menerima Pertubohan Jaycee Negeri Brunei menjadi anggota-nya yang baharu.

Ketetapan tersebut telah diluluskan dalam Kongres Pertubohan Jaycee Sa-Dunia di-Oklahoma, Amerika Sharikat baharu2 ini.

Yang Dipertua, Pertubohan Jaycee Negeri Brunei Awang Ong Kim Kee ia-lah di-antara ramai para perwakilan Pertubohan2 Jaycee yang menghadhiri Kongres Sa-Dunia Pertubohan Jaycee tersebut.

Kongres2 Pertubohan Jaycee Sa-Dunia pada tahun hadapan akan di-adakan di-Sydney, Australia dan di-Kyoto, Negeri Jepun dalam tahun 1966.

PESUROH JAYA TINGGI KA-U. K.

BERAKAS.—Pesuruh Jaya Tinggi United Kingdom di-Brunei, Yang Terutama Awang E. O. Laird telah berlepas ka-United Kingdom dengan kapal terbang dari Brunei pada petang hari Isnin 2 November, 1964.

Tujuan keberangkatan beliau ka-United Kingdom ia-lah untuk menyertai Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan rombongan dalam perbinchangan2 dengan Pegawai2 Kerajaan Inggieris mengenai Rancangan2 Perkembangan Kerajaan Brunei.

PERTUNJOKAN "STARTIME"

BANDAR BRUNEI. — Rombongan "Combined Services Entertainment" akan mempersembahkan "Startime" di-Panggung Boon Pang Baharu, Bandar Brunei pada 14 November, 1964.

Pertunjukan tersebut, terbuka kepada orang ramai, akan mengandongi

Pertandingan tersebut telah di-adakan di-Dewan Maktab Anthony Abell Seria pada malam 31 Oktober, 1964 dengan memperolehi kejayaan yang besar.

Pengadil2 pertandingan tersebut ia-lah Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, Chegu Mohamed Sum bin Hashim, Awang L.R. Weston, Awang W.I. Tocher dan Awang Vincent Phang.

Semua-nya 9 orang penyanyi2, ia-itu 6 orang lelaki dan 3 orang wanita telah mengambil bahagian dalam pertandingan akhir nyanyian tersebut.

Naib Johan pertandingan tersebut ia-lah Cheong Kong Meng dan Pemenang yang ke-tiga ia-lah Johnny Chiew.

Keputusan lain2 bahagian pertandingan "Talentine" tersebut ada-lah seperti berikut:

BAHAGIAN NYANYIAN BERAMAI2: Pertama—The Strollers. Kedua — Saudara2 A. B. dan Ketiga — The Singers Three.

BAHAGIAN BERMAIN MUSIK PERSAORANGAN: Pertama — Lim Chin Thian (Bermain Guitar). Kedua — Vincent Chong (Bermain Piano) dan Ketiga — Ronald Kong (Bermain Guitar).

BAHAGIAN BERMAIN MUSIK BERAMAI2: Pertama—The Savage Four. Kedua — The Valiants dan Ketiga—The Blue Boys.

Hadiah2 kepada pemenang2 pertandingan tersebut telah di-sampaikan oleh Dayang Masnah, ia-itu isteri Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail.




Biduan Othman Paun dari Pancha Kirana Orkest kelihatan asheh menyanyi Lagu "Island in the Sun" yang telah menjulang ia naik ka-"Bintang" dan memperolehi gelaran sa-bagai "Bintang Radio Brunei Bahagian Inggieris Tahun 1964." Dengan itu, Othman telah meniru jejak langkah ke-kanda-nya Biduan Ali Paun (bekas Bintang Radio Brunei Bahagian Melayu) yang telah menyandang gelaran "Bintang Radio Brunei Bahagian Inggieris Tahun 1962." Ali Paun kelihatan bermain Saxophone dan Zainal Abidin kelihatan bermain Bonggo dalam gambar ini. — Gambar dengan ehsan akhbar, "The Borneo Bulletin."

MENDAKI BUKIT SAEH



Beberapa orang Pegawai2 dan ahli2 Persatuan Angkatan Tunas Harapan (PATUH) Brunei telah mendaki Bukit Saeh baharu2 ini. Gambar ini di-ambil di-atas Bukit Saeh sa-lepas pemuda2 tersebut berjaya mendaki bukit yang tinggi itu, letak-nya di-Daerah Brunei. Gambar kiriman Awang Duming bin Abdul Wahab.



Ketua Pengakap Komorwealth, Sir Charles MacLean telah melawat ka-Negeri Brunei selama beberapa hari dalam bulan Oktober yang lalu. Pada masa lawatan tersebut, beliau telah melawat ka-Perkhemahan Pengakap2 Sa-Negeri Brunei di-Jalan Gadong. Beliau juga telah melawat ka-Majlis Perjumpaan Pengakap2 Daerah Belait dan ka-lain2 tempat di-Negeri Brunei. Dalam gambar kiri kelihatan Pegawai2 Perkhemahan Pengakap Sa-Negeri Brunei bergambar bersama2 dengan Sir Charles MacLean (Duduk nombor sembilan dari kiri) di-Perkhemahan tersebut. Dalam gambar kanan pula kelihatan Sir Charles MacLean bergambar bersama2 dengan sabilangan Pegawai2 Pengakap, Pengakap2, Pandu2 Puteri dan Anak2 Serigala di-Perkhemahan Pengakap tersebut. Berita2 lanjut berkenaan dengan lawatan Ketua Pengakap Komorwealth, Sir Charles MacLean ka-Negeri Brunei telah di-siarkan dalam akhbar ini pada 21 Oktober, 1964.

